

## **GO LIVE Inden Kerajaan iGFMAS pada 23 Oktober 2020 selaras Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2**

### **SOALAN LAZIM PK4.2 – PENGGUNAAN INDEN KERAJAAN IGFMAS DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

#### **PERTANYAAN 1:**

Mohon Ditetapkan Tempoh Pelaksanaan Go Live Untuk Pengeluaran Inden Kerja Elektronik Kerana PTJ Masih Ada Peringkat Pelaksanaan Sebut Harga Dan Masih Mengeluarkan Inden Kerja Manual Kepada Kontraktor.

#### **Jawapan:**

- I. Go Live ialah 23 Oktober 2020.
- II. **Inden Kerajaan manual yang telah dikeluarkan dan ditanggung** di dalam sistem sebelum tarikh Go Live diuruskan mengikut prosedur sebelum Go Live.
- III. Bagi Inden Kerajaan manual yang belum dibuat tanggungan di dalam sistem dan telah diserahkan kepada kontraktor perlu dikunci masuk ke dalam sistem selewat-lewatnya pada 22 Oktober 2020.
- IV. **Mulai 23 Oktober 2020**, semua Inden Kerajaan perlu disediakan dan dicetak melalui sistem iGFMAS dan penggunaan Inden Kerajaan manual tidak dibenarkan.

#### **PERTANYAAN 2**

Sekiranya selepas Inden Kerajaan elektronik telah GO LIVE dalam sistem iGFMAS, tetapi masih ada PTJ yang mengeluarkan Inden Kerajaan manual sebelum tarikh tersebut dan tidak sempat dibuat tanggungan dalam sistem, adakah Inden Kerajaan elektronik yang dikeluarkan sah dan disokong Inden Kerajaan manual yang telah dikeluarkan sebelum ini sebagai dokumen sokongan bagi proses pembayaran.

#### **Jawapan:**

Semua Inden Kerajaan manual perlu dikunci masuk selewat-lewatnya pada 22 Oktober 2020.

#### **PERTANYAAN 3**

Mohon semakan dan tatacara untuk rujukan PTJ bagi situasi sekiranya pengeluaran Inden Kerja tahun 2020 melibatkan projek AUC tetapi perakuan siap kerja hanya boleh disiapkan pada tahun 2021, adakah tanggungan tersebut boleh dibawa ke tahun 2021 dan diteruskan dengan pembayaran.

#### **Jawapan:**

Tanggungan Inden Kerajaan tahun 2020 selepas 23 Oktober sama ada melibatkan projek AUC atau tidak, boleh dibawa ke tahun 2021 menggunakan modul Penutupan Akhir Tahun (PAT) dan boleh diteruskan dengan pembayaran.

Tatacara PAT boleh merujuk kepada SPANM Penutupan Akhir Tahun dan MPK MM.

Tanggungan Inden Kerajaan (Pesanan Kerajaan (Kerja)) yang disedia sebelum 23 Oktober 2020, tidak dibenarkan untuk dibawa ke tahun hadapan dan jika perlu, hendaklah dikunci masuk di tahun baru untuk

dibuat tanggungan. Inden Kerajaan lama dan baru hendaklah difailkan bersama-sama bagi tujuan pembayaran serta audit dan naziran.

Tanggungan Inden Kerajaan lama tersebut perlu diambil tindakan berikut:

- i. Sekiranya tanggungan belum berstatus 80 – dokumen hendaklah dihapuskan;
- ii. Sekiranya tanggungan telah berstatus 80 dan belum dibuat bayaran – dokumen hendaklah dibatalkan
- iii. Sekiranya tanggungan telah berstatus 80 dan terdapat *partial payment* - dokumen Perubahan Inden Kerajaan (Pengurangan) hendaklah disediakan berdasarkan baki yang belum dibayar.

#### **PERTANYAAN 4**

Jika Inden Kerja dikeluarkan pada tahun 2020 dan perakuan siap pada tahun 2021 menggunakan vot mengurus, adakah tertakluk kepada kelulusan AP 58(a).

**Jawapan:**

Tidak tertakluk kepada AP 58(a) kerana perakuan siap pada tahun 2021.

#### **PERTANYAAN 5**

Jika Inden Kerajaan dikeluarkan pada tahun 2020 dan perakuan siap pada tahun 2021 menggunakan vot Pembangunan (P) atau Amanah PFI (S), bolehkah pembayaran dibuat menggunakan Modul Invois Tanpa PT pada tahun 2021?

**Jawapan:**

Pembayaran tidak dibenar menggunakan modul Invois Tanpa PT. Proses pembayaran boleh dirujuk jawapan bagi pertanyaan 2.